

UJIAN PERTENGAHAN TAHUN 2014


SAINS Tahun 5

Masa: Ijam 15 minit

Bahagian A

Kertas soalan ini mengandungi 30 soalan. Jawab semua soalan. Setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C, dan D. Pilih jawapan yang betul.

- 1 Rajah 1 menunjukkan empat jenis haiwan yang diwakili oleh W, X, Y, dan Z.



Rajah 1

Haiwan yang manakah hidup bersendirian?

- A W
B X
C Y
D Z



Rajah 2

- 2 Antara tumbuhan berikut, yang manakah bergantung kepada agen penyebaran yang sama dengan tumbuhan dalam Rajah 2 ?
- A. Nipah
B. Anggerik desa
C. Bunga Keembung
D. Semalu
- 3 Abdul Halim merenjiskan beberapa titis air ke atas sekeping roti. Apakah yang akan berlaku kepada roti itu selepas dibiarkan selama 2 minggu di atas meja?.
- A. Roti tersebut akan naik dan mengembang.
B. Roti itu akan menjadi keras dan kering.
C. Roti itu akan dilitupi oleh tompokan kulat.
D. Terdapat protozoa pada roti tersebut.

- 4 Apakah kelebihan bagi haiwan yang hidup berkumpulan?

- A Membantu spesiesnya selamat daripada musuhnya.
B Mengelakkan persaingan untuk mendapatkan makanan.
C Menyediakan ruang yang cukup untuk rehat dalam habitatnya.
D Memastikan mereka mendapat makanan yang mencukupi.

- 5 Rajah 11 menunjukkan sebuah lampu suluh diletakkan di depan satu kon.



Rajah 11

Bentuk wayang yang manakah dapat dilihat di atas skrin itu?

- A  C 
B  D 

- 6 Apakah jenis pertukaran tenaga yang terjadi apabila bola, disepak?

- A. Tenaga kinetik ----> tenaga keupayaan
B. Tenaga keupayaan ----> tenaga kinetik
C. Tenaga kimia ----> tenaga keupayaan
D. Tenaga keupayaan ----> tenaga kimia

- 7 Haiwan yang hidup bersendirian mengelakkan persaingan untuk mendapatkan semua keperluan yang berikut **kecuali**

- A pasangan
B tempat perlindungan
C makanan
D cahaya matahari

8 Maklumat berikut menunjukkan satu senarai haiwan.

| | |
|--------------------|----------------|
| P - Monyet | R - Tenggiling |
| Q - Burung belatuk | S - Rusa |


Antara haiwan yang berikut, manakah hidup bersendirian?

- A P dan S
- B Q dan R
- C Q dan S
- D R dan S

9 Antara objek berikut, yang manakah merupakan bahan lut sinar?

- | | |
|------------------|-----------------|
| A. Cermin kereta | C. Kertas surih |
| B. Buku | D. Kertas tisu |

10 Antara litar yang berikut, manakah mempunyai mentol yang paling cerah?



11 Mengapakah sesetengah tumbuhan perlu menyebarkan biji benihnya jauh daripada tumbuhan induknya?

- A Untuk memastikan mereka mendapat pasangan.
- B Untuk melindungi diri daripada cuaca terlampau.
- C Untuk mengelakkan daripada dimakan oleh musuh.
- D Untuk mengelakkan persaingan antara anak pokok dan tumbuhan induk.


12 Apakah yang dimaksudkan dengan **tenaga yang boleh diperbaharui**?

- A Tenaga yang boleh diganti apabila habis digunakan
- B Tenaga yang tidak boleh diganti apabila habis digunakan

C Tenaga yang dihasilkan daripada petroleum, arang batu, air dan angin

D Tenaga yang boleh ditukar dari satu keadaan ke keadaan yang lain.

13 Rajah 4 menunjukkan satu siratan makanan.



Rajah 4

Pernyataan manakah adalah benar berdasarkan siratan makanan di atas?

- A Tumbuhan bersaing dengan haiwan.
- B Ayam bersaing dengan burung.
- C Belalang bersaing dengan ular.
- D Ayam dan ular bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan makanan.

14 Antara alatan di bawah, alatan manakah yang sesuai digunakan untuk melihat mikroorganisma?




15 Rajah 8 menunjukkan suatu litar elektrik



Rajah 8

Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang wayar tembaga seperti di dalam rajah 8?

- A. Wayar tembaga ialah konduktor haba yang baik.
- B. Wayar tembaga ialah konduktor elektrik yang baik.
- C. Wayar tembaga boleh terapung di permukaan air.
- D. Wayar tembaga tidak menyerap air.



Rajah 12

16 Berdasarkan rajah 12 di atas, ini menunjukkan bahawa tangan manusia adalah merupakan bahan yang

- A. Lut cahaya
- B. Lut sinar
- C. Legap
- D. Lut pembiasan


17 Maklumat di bawah menunjukkan dua haiwan yang diwakili oleh P dan Q.

P – Beluncas
Q – Belalang

Pernyataan manakah benar tentang P dan Q?

- A P makan Q.
- B Q makan P.
- C P dan Q makan jenis makanan yang sama.
- D Tidak wujud persaingan antara P dan Q.

18 Rajah 7 menunjukkan sebuah hutan tropikal.




Rajah 7


Pokok dalam hutan tropikal bersaing untuk mendapatkan

- A makanan
- B tempat
- C tempat perlindungan
- D cahaya matahari

19 Antara haiwan yang berikut, manakah sudah pupus?



20 Rajah 8 menunjukkan dua ekor haiwan.




Rajah 8

Apakah persamaan antara dua ekor haiwan itu?

- A Hidup bersendirian
- B Sudah pupus
- C Menghadapi ancaman kepupusan
- D Bersaing untuk makanan yang sama

21 Rajah 9 menunjukkan sejenis tumbuhan.



Rajah 9

Antara yang berikut, manakah benar tentang tumbuhan itu?

- A Telah mati
- B Telah pupus
- C Tidak wujud di muka bumi
- D Menghadapi ancaman kepupusan

22 Maklumat berikut menyatakan tentang ciri sejenis biji benih

Saya kecil dan ringan

Saya juga mempunyai kepak

Saya boleh tersebar jauh daripada induk

Selepas saya jatuh, saya akan bercambah

Apakah agen penyebaran bagi biji benih itu?

- A Air C Haiwan
 B Angin D Mekanisma Letupan

23 Jadual 1 menunjukkan bilangan biji benih dan ketinggian cambahan selepas satu minggu dalam tiga bekas yang berbeza, *K*, *L*, dan *M*.


| Bekas | Bilangan biji benih | Ketinggian (cm) |
|----------|---------------------|-----------------|
| <i>K</i> | 20 | 1 |
| <i>L</i> | 10 | 2 |
| <i>M</i> | 2 | 5 |

Jadual 1


Apakah kesimpulan penyiasatan ini berdasarkan keputusan yang diperolehi?

- A Jenis benih mempengaruhi ketinggian cambahan.
 B Ketinggian cambahan adalah berbeza dalam setiap bekas.
 C Bilangan benih yang berbeza menghasilkan ketinggian cambahan yang berbeza.
 D Semakin bertambah bilangan tumbuhan, semakin meningkat persaingan untuk keperluan asas.


24 Gambar menunjukkan eksperimen untuk mengkaji sama ada cahaya melalui tiga jenis bahan P, Q dan R.



Apakah yang dapat dilihat apabila ketiga-tiga bahan, P, Q dan R bertindih?



25 Antara alat elektrik berikut yang manakah menggunakan kesan pemanasan ?




- A P dan Q
 B R dan S
 C P, R dan S
 D Q, R dan S

26 Antara berikut, manakah sumber tenaga yang amat sesuai untuk digunakan dalam kenderaan seperti kereta atau lori.

- A. Sel Kering B. Akumulator
 C. Dinam D. Sel solar.

27 Semangkuk bubur diletakkan di atas sebuah meja. Mengapakah bubur itu menjadi basi selepas seminggu?

- A. Ia disimpan terlalu lama
 B. Ia terdedah kepada udara
 C. Ia disimpan di tempat yang sejuk dan gelap
 D. Ia disebabkan oleh tindakan bakteria dan kulat




Litar Siri

Litar Selari

28 Antara berikut, manakah **Bukan** kelebihan yang terdapat pada litar elektrik secara selari berbanding litar bersiri?.

- A. Kecerahan mentol litar selari lebih terang berbanding litar bersiri.
- B. Sekiranya satu mentol dalam litar selari tidak menyala, maka mentol yang lain akan terus menyala.
- C. Menjimatkan penggunaan tenaga elektrik pada litar selari berbanding litar bersiri.
- D. Litar selari digunakan semasa pendawaian elektrik di rumah berbanding litar bersiri.


29 Rajah 5 menunjukkan tiga litar elektrik R, S dan T.




Manakah antara berikut menunjukkan urutan yang betul bagi mentol mengikut kecerahan yang bertambah?

- A R,S,T
- B R, T, S
- C T, R, S
- D S, T, R


30 Rajah di bawah menunjukkan beberapa litar elektrik. Pilih litar selari.




A



B



C



D